

LARANGAN PAKAI JAM

# Pelaksanaan wajar dikaji, tentukan aksesori sesuai

Larangan pemakaian jam tangan di dalam dewan peperiksaan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) menjadi polemik dalam kalangan orang awam, pelajar dan juga ibu bapa.

Rata-rata mereka mempersoalkan peraturan yang termaktub dalam arahan am peperiksaan baru-baru ini termasuk penggunaan jam tangan biasa yang juga tidak dibenarkan.

**Lambakan produk pintar**

Pada era moden yang pantas bergerak, lambakan produk teknologi pintar umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Penggunaan jam tangan pintar juga semakin mendapat tempat dan perhatian ramai lantaran kepelbagaian fungsi dan aplikasi yang dimiliki.

Jam tangan pintar boleh di-

**E-MEL PEMBACA**

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

kategorikan sebagai jam yang mempunyai pemprosesan khas, menyimpan memori dan paparan digital serta boleh dihubungkan ke peranti mudah alih lain bagi pemindahan data.

Menurut Ketua Eksekutif Majlis

Peperiksaan Malaysia (MPM), Dr Jamil Adimin, larangan memba-wa atau memakai jam tangan ke dalam dewan ketika menduduki peperiksaan bertujuan mencegah kes salah laku dalam kalangan calon berikutan terdapatnya alat perhubungan dan kamera termasuk kecanggihan teknologi atau gajet itu yang mana boleh berhubung dengan dunia luar sewaktu peperiksaan sedang dijalankan.

**Elak gejala meniru**

Dari sudut kaca mata awam, peraturan ini bukanlah sesuatu yang pelik, kerana rata-rata universiti di dunia juga berusaha menyekat penggunaan jam tangan di dewan peperiksaan bagi mengelakkan gejala meniru.

Namun, pelaksanaannya wajar dikaji semula MPM dengan hanya melarang penggunaan jam ta-



Keratan akhbar BH semalam.

ngan pintar tanpa membabitkan pemakaian jam tangan biasa.

Jam tangan adalah aksesori penting bagi seseorang termasuklah pelajar. Maka, tidak wajar jika pelajar perlu bergantung pada jam dinding di dewan peperiksaan semata-mata kerana calon yang ditempatkan di meja belakang, sudah tentu berisiko besar untuk tidak nampak dan kurang peka dengan masa sebenar pada jam dinding berkenaan.

Dalam hal ini, nilai integriti yang meletakkan ketelusan seseorang pelajar dilihat sebagai paksi utama dalam membendung ge-

jala meniru ketika peperiksaan.

Penyelarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta antara kepentingan diri dan kepentingan umum perlu dipupuk sejak dari bangku sekolah bagi melahirkan masyarakat yang telus dan berdaya saing dalam apa juga aspek.

Persoalannya, apakah arus kemodenan yang kita kecapi hari ini menjadikan masyarakat kita kita hilang nilai integriti dalam diri?

**Aishah Sa'adah Aminuddin,**  
Universiti Sains Islam Malaysia.